

6/12/2008 (Sabtu)

3 kejadian dalam seminggu

Laporan Anwar Hussin, Saufi Hamzah, Jalan Ali Abdul Rahim, Zainab Mohd Yatim, Hafizah Iszahanid, Mohd Azis Ngah, Sharifah Salwa Syed Akil, Azman Mahmood, Ifwan Tun Tuah, Norliza Wasilan, Amin Ridzuan Ishak, Norazma Laila, Khairunnisa Kamaruddin, Che Wan Badrul Alias, Bennie Zie Fauzi, Nurhasyima Hasim, Petah Wazzan Iskandar, Nurul Farina Nazlan, S Anand Kumar dan Siti Sofia Ahmad Mazlan
bhnews@bharian.com.my



Pagi ngeri

- ❑ **14 banglo ranap sebelum subuh**
- ❑ **4 maut, seorang masih tertimbus di Taman Bukit Mewah**
- ❑ **Tiga kawasan di Bukit Antarabangsa berisiko**

1,500 rumah terputus bekalan elektrik

5,000 penduduk terputus hubungan, operasi menyelamat 24 jam

KUALA LUMPUR: Selepas dua kejadian tanah runtuh dalam seminggu, negara pagi semalam dikejutkan tragedi lebih dahsyat yang meragut empat nyawa apabila sebahagian Taman Bukit Mewah di Hulu Klang dekat sini, runtuh. Kejadian jam 4 pagi itu menyebabkan 14 rumah banglo mewah di lereng bukit taman berkenaan ranap, mengakibatkan seorang masih tertimbus, manakala 23 lagi termasuk seorang kanak-kanak cedera dan dirawat di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Berikutan tragedi itu, 3,000 hingga 5,000 penduduk sekitar terputus hubungan apabila satu-satunya jalan masuk ke perumahan mereka ditimbus runtuh tanah membabitkan kawasan seluas lebih empat hektar. Semua mereka dipindahkan ke beberapa pusat pemindahan sementara selepas beberapa runtuh susulan dikesan.



PEMANDANGAN dari udara menunjukkan sebuah rumah ranap dan beberapa kereta turut musnah dalam kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Mewah, Hulu Klang, semalam.

Ketika kejadian sebahagian penduduk nyenyak tidur dan dikejutkan bunyi seperti letupan, diikuti gegaran dan pergerakan tanah yang meranapkan 14 rumah terbabit.

Pada 30 November lalu, dua beradik maut tertimbus apabila banglo setingkat di Ulu Yam Perdana, Kuala Kubu Bharu, ranap, manakala dalam kejadian kedua pada 4 Disember lalu di Pusat Bandar Damansara di sini, 11 kereta tertimbus. Tapak kejadian tragedi terbaru itu terletak hanya kira-kira 1.5 kilometer dari lokasi tragedi Highland Towers yang mengorbankan 48 nyawa pada 11 Disember 1993.

Setakat jam 11 malam tadi, pasukan mencari dan menyelamatkan membabitkan kira-kira 800 pegawai dan anggota pasukan penyelamat diketuai Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, berjaya mengeluarkan empat mayat, manakala usaha sedang diteruskan untuk mencari seorang lagi yang dikhuatiri tertimbus.

Tiga mangsa ditemui antara jam 7 hingga 7.30 pagi. Mereka ialah pelajar teknologi maklumat di Kolej Yayasan Pelajaran Mara, Shaiful Khas Shahrudin, 20; doktor veterinar, N Yogeswary, 40 dan akauntan wanita, Ng Yee Peng, 30.

Shaiful Khas ditemui tertimbus di tingkat bawah rumah banglo dua tingkat milik keluarganya, Yogeswari dan Ng maut ketika cuba menyelamatkan anak masing-masing berusia 10 tahun dan dua bulan apabila dihempap dinding konkrit.



DATIN Jamilah Mohd Kassim pilu selepas melihat jenazah anaknya, Shaiful Khas di HKL, semalam.

Mayat Yogeswari tiba di HKL jam 9.50 pagi, diikuti mayat Ng pada jam 10.05 pagi dan Shaiful Khas pada jam 10.37 pagi.

Mayat mangsa dituntut keluarga masing-masing, petang semalam. Mangsa keempat iaitu seorang pembantu rumah warga Indonesia dikenali sebagai Surinah, 30, pula ditemui di rumah bernombor 15 pada jam 6.30 petang. Mayatnya berjaya dikeluarkan daripada runtuhannya rumah itu jam 7.45 malam sebelum dihantar ke HKL. Dalam operasi mencari dan menyelamatkan bermula jam 4.15 pagi, 95 penghuni berjaya diselamatkan. Dua daripada mangsa terselamat, seorang pesakit jantung dan seorang lagi sarat mengandung dibawa ke HKL menggunakan helikopter polis.

Operasi itu disertai 14 pasukan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Jabatan Pertahanan Awam (JPA3), Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (Smart), Pasukan St John Ambulans, HKL dan Hospital Ampang. Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berangkat meninjau lokasi kejadian. Turut meninjau tempat kejadian dan operasi menyelamatkan ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata pasukan mencari dan menyelamatkan berjaya mengesan kedudukan mangsa yang tertimbus dan dipercayai masih hidup menggunakan unit anjing dan peralatan elektronik untuk menyelamatkannya. Sementara itu, Khalid berkata, operasi mencari dan menyelamatkan akan dijalankan secara berterusan selama 24 jam, sebelum memutuskan tindakan susulan. Beliau berkata, Pasukan Gerakan Am (PGA) dikerah menjaga semua kediaman yang dikosongkan untuk mengelak pencerobohan, justeru penduduk diminta tidak khuatir mengenai keselamatan harta benda mereka. Katanya, antara 500 hingga 600 penduduk masih belum mengosongkan rumah masing-masing meskipun sudah diminta berbuat demikian. Pasukan Bomba dan ATM turut membuat laluan alternatif bagi membolehkan penduduk yang terperangkap keluar selepas jalan utama terputus hubungan.

7/12/2008 (Ahad)

Henti bangun kawasan berbukit



ABDULLAH dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah diberi penerangan oleh pegawai operasi mencari dan menyelamatkan mengenai kejadian tanah runtuh sejurus tiba untuk meninjau keadaan di kawasan Taman Bukit Mewah, semalam.

Kerajaan tak benar pembangunan di kawasan berisiko tinggi elakkan tanah runtuh

KUALA LUMPUR: Berkuat kuasa serta-merta kerajaan tidak akan membenarkan pembangunan di kawasan berbukit berisiko tinggi bagi mengelakkan tragedi tanah runtuh berulang, kata

Datuk Seri Najib Tun Razak. Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri meminta pemaju tidak lagi menekan kerajaan untuk melobi bagi mendapatkan kelulusan untuk membangunkan sesuatu projek di kawasan tanah tinggi. "Saya fikir tidak ada alasan lagi untuk kita benarkan pembangunan di atas tanah yang curam dan tinggi serta berisiko tinggi. Ambil sikap pencegahan lebih baik daripada sesuatu kejadian yang mungkin berlaku.

"Kita perlu belajar daripada apa yang berlaku termasuk kejadian hari ini (semalam)," katanya ketika ditemui meninjau lokasi tanah runtuh di kawasan Taman Bukit Mewah, Hulu Klang dekat sini, semalam. Turut melawat isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor. Bagaimanapun, Najib tidak menolak kemungkinan pemaju akan terus menghantar permohonan apabila insiden tanah runtuh ini reda dan apabila orang ramai mula lupa akan kejadian itu.



NAJIB bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor mendengar pengalaman mangsa ketika melawat kawasan tanah runtuh, semalam.

"Ingatan manusia ini pendek. Tiga... enam bulan bila orang sudah lupa, pemaju akan sorong permohonan dan melobi supaya diluluskan, tidak belajar apa yang berlaku," katanya.

Najib berkata, Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim juga memberi jaminan kepadanya untuk tidak meluluskan permohonan pemaju untuk membangunkan kawasan berisiko tinggi. Timbalan Perdana Menteri turut meminta orang ramai tidak mempersalahkan kerajaan apabila sesuatu kawasan yang tidak dibenarkan dilakukan pembangunan, tidak lagi berisiko selepas itu. "Kita terpaksa ambil pendirian (sekarang) kalau terbukti kawasan itu berisiko tinggi. Kalau tidak boleh diterima, mereka yang tinggal di kawasan itu kena terima hakikat bahawa mereka mungkin terdedah kepada bahaya," katanya.

Beliau juga meminta masyarakat mengingati tragedi Highland Towers pada 11 Disember 1993, yang terletak tidak jauh dari Bukit Antarabangsa, dan mengorbankan 48 nyawa, akibat pergerakan aliran air bawah tanah yang tidak dapat dikesan. Najib berkata pakar akan dilantik untuk menilai kawasan sekitar kerana ia dilihat sangat berisiko tinggi selepas dua kejadian tanah runtuh berlaku sebelum ini. Sementara itu, Najib berpuas hati dengan tindakan pantas pasukan keselamatan menangani keadaan. Katanya, operasi menyelamatkan terpaksa dilakukan secara berhati-hati kerana kawasan itu masih belum stabil.

7/12/2008 (Ahad)

'Tragedi Highland Towers tak jadi iktibar'

KUALA LUMPUR: Mungkin bagi ramai kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa semalam, mengejutkan, tetapi untuk Pengerusi Jawatankuasa Pemilik dan Penghuni Highland Towers yang runtuh pada 11 Disember 1993, ia seperti sudah diduga. Walaupun sudah 15 tahun sudah berlalu, Dr Benjamin George masih tidak dapat melupakan tragedi malang yang mengorbankan 48 nyawa itu.

Beliau berpendapat tanah runtuh di Taman Bukit Mewah berlaku kerana kerajaan, pemaju dan masyarakat tidak pernah mengambil iktibar dan belajar daripada tragedi Highland Towers itu.

'Masyarakat dan pemaju tidak pernah serik dengan kejadian tanah runtuh yang kerap berlaku serta tetap menjalankan pembangunan di kawasan cerun bukit. "Walaupun banyak kejadian berlaku, mereka tidak pernah belajar daripada kejadian itu sebaliknya terus membina banglo, kondominium dan apartmen di kawasan lereng bukit dan cerun.

"Saya fikir mereka tidak pernah memikirkan mengenai keselamatan orang ramai sebaliknya hanya mementingkan duit dan keuntungan sehingga sanggup memperjudikan nyawa masyarakat.

"Kerajaan sepatutnya lebih tegas dengan menghentikan serta merta pembangunan di lereng bukit kerana ia memang akan mendatangkan kesan buruk pada masa depan. "Mereka tidak seharusnya bercakap akan hentikan pembangunan lereng bukit untuk mengaburi mata rakyat sebaliknya dalam masa yang sama masih meluluskan permohonan pemaju untuk membangunkan kawasan berisiko tinggi.

"Kerajaan boleh bercakap bahawa pembangunan lereng bukit tidak akan dibenarkan lagi dalam masa terdekat ini tetapi percayalah tiga atau lima tahun lagi, masih ada projek perumahan di lereng bukit," katanya sambil menjelaskan selepas kejadian Highland Towers kerajaan pernah melarang pembangunan di tanah tinggi.

Beliau berkata, apabila terjadinya tanah runtuh di sesuatu kawasan, pembangunan di situ dan kawasan berhampiran harus dihentikan kerana ia menunjukkan struktur tanahnya tidak stabil. "Tanah di Malaysia berbeza dengan tanah di negara lain seperti Hong Kong kerana kita mempunyai jenis tanah yang lembut dan mudah runtuh," katanya.

"Jadi, sekiranya ada kejadian tanah runtuh di kawasan berkenaan, ia tidak tidak harus dibangunkan lagi sebaliknya dihentikan segera bagi mengelakkan kejadian lebih buruk," katanya.

7/12/2008 (Ahad)

Tiga kawasan berisiko tinggi

Boleh runtuh jika hujan berterusan

KUALA LUMPUR: Kajian kebolehruntuhan tanah di Bukit Antarabangsa, Highland Towers dan Taman Hillview selepas tragedi Highland Towers 1993, mendapati tanah di ketiga-tiga kawasan itu berisiko tinggi untuk runtuh. Pengarah Pusat Penyelidikan Hakisan Tanah Negara (Nasec) di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Dr Roslan Zainal Abidin, berkata tanah di situ mengandungi pasir dan kelodak yang tinggi serta tanah liatnya rendah, menyebabkan berpotensi untuk runtuh jika hujan berpanjangan. "Pembangunan di kawasan itu masih boleh dijalankan jika pemantauan, kawalan dan langkah keselamatan berkala dilakukan secara konsisten terutama di cerun dan berbukit.

"Ini termasuk mengenal pasti teknik terbaik mengawal gerakan tanah selain merancang dan membina tembok penahan serta sistem saluran air yang baik. "Masalah utama di Malaysia ialah pematuhan, pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar oleh pihak berkuasa," katanya, semalam.

Beliau berkata, berdasarkan kajian sebelum ini, skala kebolehruntuhan tanah di Bukit Antarabangsa berada pada tahap tinggi, manakala Highland Towers tahap kritikal. Skala kebolehruntuhan tanah mempunyai tahap rendah, sederhana, tinggi, sangat tinggi dan kritikal. Katanya, kedua-dua kawasan itu berada dalam lingkungan tahap tinggi ditambah faktor hujan yang menyebabkan ia lebih berisiko untuk runtuh. "Tanah di Bukit Antarabangsa dan Highland Towers tahap kebolehhakisan adalah tinggi dan menjadi berbahaya apabila hujan kerana mempercepatkan hakisan," katanya.

7/12/2008 (Ahad)

Tidak ambil iktibar tragedi lalu

Analisis oleh Rohaniza Idris bhnews@bharian.com.my



ANGGOTA bomba menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan mangsa tanah runtuh yang meranapkan rumah di Taman Bukit Mewah, semalam.

Kerajaan perlu tegas tak layan tuntutan pemaju, orang ramai bina rumah di cerun

SEMALAM, negara dikejutkan dengan tragedi menyayat hati dan menggemparkan apabila untuk kesekian kalinya, berlaku lagi kejadian tanah runtuh yang meragut empat nyawa dan menimbus 14 banglo di Taman Bukit Mewah, Hulu Klang.

Kejadian penuh tragis awal pagi semalam itu berlaku lima hari sebelum menjelang ulang tahun ke-15 tragedi Highland Towers yang berlaku pada 11 Disember 1993, kira-kira 1.5 kilometer dari tempat kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Bukit Mewah dan Taman Bukit Perdana itu.

Dalam kejadian 15 tahun lalu itu, 48 terkorban apabila satu daripada tiga blok kondominium di Taman Hillview, iaitu Blok A runtuh. Insiden 11 Disember itu mengejutkan seluruh negara kerana ia menjadi peristiwa bangunan runtuh pertama dan terburuk dalam sejarah negara sejak merdeka.

Peristiwa itu berlaku selepas hujan beberapa hari dan menimbulkan kesedaran di kalangan orang ramai mengenai bahaya bangunan yang dibina di lereng bukit di negara ini. Tragedi itu juga mengingatkan kita mengenai kemungkinan sama boleh berlaku di mana-mana saja apabila wujud kepelbagaian dan peningkatan kegiatan perbandaran untuk menampung keperluan masyarakat. Kesimpulan awal, pastinya menyatakan tragedi seperti itu biasanya berlaku apabila pelbagai prosedur dan dasar pembangunan diabaikan pengamalannya sama ada juruperunding, jurutera, pemaju, kontraktor dan sebagainya.



ANTARA banglo yang musnah dalam kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Mewah, semalam.

Manusia sekali lagi menyalah diri dan menyesali dengan apa yang berlaku walaupun kini 'nasi memang sudah menjadi bubur'. Kekesalan tinggal kekesalan tetapi kehidupan yang ada perlu diteruskan dan kita perlu belajar daripada kesilapan serta mengubah keadaan menjadi lebih baik bukan sebaliknya.

Sehubungan itu, keluarlah pelbagai kenyataan seperti perlunya kajian semula mengenai pembangunan kawasan tanah tinggi dan pelbagai pihak bercakap untuk membuat itu dan ini termasuk memperketatkan peraturan dan undang-undang bagi memastikan kejadian tidak berulang. Tetapi selepas itu, semuanya senyap dan tragedi hanya menjadi cebisan dalam lipatan kenangan pahit, menunggu masa untuk berulang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang melawat tempat kejadian semalam menyatakan kebimbangannya mengenai pembinaan rumah di kawasan tanah tinggi dan mahu pembangunan di kawasan tanah tinggi dikaji semula. Semua kerajaan negeri diminta menimbang untuk menghentikan projek perumahan di kawasan lereng bukit dan cerun yang berisiko tinggi. "Negeri lain juga adalah baik jika tidak dibenarkan pembangunan perumahan di kawasan cerun. Ia bukan satu kerugian tapi demi keselamatan," katanya

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pula menyatakan kerajaan tidak akan membenarkan mana-mana pembangunan dijalankan di kawasan berbukit yang berisiko tinggi bagi mengelakkan tragedi tanah runtuh berulang. Katanya, pemaju diminta jangan lagi menekan kerajaan untuk melobi bagi mendapatkan kelulusan untuk membangunkan sesuatu projek di kawasan itu.

"Saya fikir tidak ada alasan lagi untuk jalankan pembangunan di atas tanah yang curam dan tinggi yang berisiko tinggi. Ambil sikap pencegahan adalah lebih baik daripada sesuatu kejadian yang mungkin berlaku," katanya.

Kenyataan yang sama pernah dikeluarkan Tun Dr Mahathir Mohamad ketika beliau menjadi Perdana Menteri ketika kejadian Highland Towers berlaku, 15 tahun lalu. Dr Mahathir ketika itu berkata, kerajaan mengkaji semula pembinaan bangunan tinggi di lereng bukit bagi mengelak kejadian bangunan runtuh berulang dan bertujuan memastikan keselamatan setiap bangunan, terutama di kawasan tinggi yang kebiasaannya membabitkan penempatan pokok sehingga berlaku hakisan. Namun, hakikatnya ketakutan dan kebimbangan kerajaan serta orang ramai mengenai pembangunan di kawasan tanah tinggi dan cerun hanya bersifat sementara dan akan berulang selepas dua tiga tahun kemudian, terutama akibat tekanan untuk menampung keperluan penempatan penduduk.

Pemaju dan pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak mengendahkan perkara itu sebaliknya terus mementingkan keuntungan dengan meneruskan projek pembinaan kediaman di lereng bukit. Paling mengejutkan, ada juga permintaan daripada khalayak ramai yang mahu menetap dan membina kediaman di kawasan berisiko itu.

Kediaman sepatutnya menjadi tempat paling selamat untuk berteduh daripada panas, hujan dan binatang buas tetapi mereka yang tinggal di lereng bukit nampaknya tidak memikirkan perkara itu sebaliknya lebih mementingkan kedamaian dan pemandangan yang cantik. Isu keselamatan keluarga sepatutnya menjadi asas utama untuk memilih kediaman kerana itu adalah aspek penting daripada kediaman yang hanya kelihatan cantik dan menarik.

Mengikut rekod, tidak sampai tiga tahun selepas kejadian, pembangunan kawasan berkenaan semakin rancak dan lebih banyak bangunan, kediaman dan taman perumahan dibina. Bandar Ukay Perdana tidak jauh dari tempat kejadian mula dibuka sejak lapan tahun lalu dan harga hartanah di kawasan berkenaan meningkat mendadak dalam tempoh sama. Sikap sesetengah kerajaan negeri dan PBT kurang peka terhadap pelestarian alam sekitar dan keselamatan penghuni menyebabkan pembinaan di kawasan tanah tinggi dan lereng bukit masih berterusan.

Mengikut laporan 2006, sekurang-kurangnya tiga negeri – Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikenal pasti melanggar peraturan dan membenarkan pelaksanaan projek perumahan di kawasan tanah tinggi 300 meter ke atas dan berkecerunan lebih 35 darjah. Perkara itu, bertentangan dengan Garis Panduan Pembangunan Tanah Tinggi 2002 dan dikemas kini pada 2005, melarang pelaksanaan projek pembangunan di kawasan berkenaan.

Ramai yang tidak tahu bahawa pembangunan projek di tanah tinggi bukan hanya menyebabkan tanah runtuh tetapi boleh menimbulkan banyak masalah seperti banjir kilat dan sungai semakin cetek selepas lereng bukit ditarah dan diratakan. Pemaju pula terus tidak mengendahkan garis panduan dan sesetengahnya seolah-olah tidak mengambil iktibar atas beberapa kejadian sebelum ini yang bukan saja merosakkan alam sekitar, malah meragut nyawa.

Selain tragedi Highland Towers, ada beberapa kejadian tanah runtuh, satu demi satu tragedi menimpa penduduk di kawasan lereng bukit seperti tanah runtuh di Athenaeum Tower (1999), Bukit Antarabangsa (2000), Taman Hillview (2002), Kampung Pasir Tambahan di Hulu Klang (2006) semuanya membabitkan kehilangan banyak nyawa.

Diakui, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri serta PBT sentiasa prihatin mengenai perkara itu, tetapi kadangkala ada sebab tertentu memaksa mereka meluluskan projek di lereng bukit dan tanah tinggi.

Selain itu, timbul persoalan mengenai penguatkuasaan. Jika kerajaan benar-benar serius mahu memelihara alam sekitar dan ekosistem yang sudah tercemar, kelengkapan secukupnya terutama dari segi penguatkuasaan mesti disediakan supaya agensi yang memantau dapat bertindak secara berkesan. Dari satu sudut, kejadian bangunan dan tanah runtuh di lereng bukit memperlihatkan kelemahan dan ketidaktegasan pihak berkuasa melaksanakan tugas mereka.

Dalam hal ini, pihak berkuasa termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu mengadakan kajian dan pemantauan berterusan bagi memastikan setiap peraturan dipatuhi pemaju. Namun, isu lain dibangkitkan termasuk mengenai kekurangan kakitangan dan kuasa yang terhad menyebabkan JAS tidak berupaya mengambil tindakan.

Penguatkuasaan dan pencegahan penting supaya langkah keselamatan dan pembaikan segera dapat diambil bagi menghindar masalah lebih besar. Kita tidak mahu tindakan hanya diambil selepas masalah semakin membarah hingga mengundang musibah. Sementara itu, Pengerusi Pusat bagi Alam Sekitar, Teknologi dan Pembangunan Malaysia, Gurmit Singh memberi amaran kepada pihak berkuasa supaya bersedia untuk mengambil langkah pemulihan memandangkan lebih banyak kejadian tanah runtuh dijangka berlaku pada musim hujan sekarang.

"Kejadian tanah runtuh biasa berlaku di negara ini dan kebanyakannya boleh dielakkan jika profesional, pemaju perumahan dan penguat kuasa lebih bertanggungjawab menjalankan tugas mereka dengan tekun dan amanah," katanya.

Adalah tidak adil bagi sesetengah mereka yang patuh kepada setiap peraturan menerima kesan buruk akibat tindakan sesetengah pihak yang mengabaikan tanggungjawab terhadap keselamatan bangunan yang mereka bina. Oleh itu, kita berpendapat setiap mereka yang terbabit dalam industri pembinaan perlu berhati-hati dalam menentukan soal penting ini.

Pengarah Institut Penyelidikan Pencegahan Bencana Alam Asia Tenggara (Seapri) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata negara sebenarnya tidak menghadapi bencana alam yang serius dan yang berlaku sebenarnya dapat dielakkan. Katanya, hanya banjir menimbulkan masalah, tetapi sejak 20 tahun lalu, sudah ada sistem pemindahan teratur dan agensi khusus untuk mengawasi masalah ini. Jadi, kini semua pihak perlu memikirkan cara mengatasi masalah tanah runtuh akibat hujan lebat yang berterusan terutama menjelang Oktober hingga awal Januari sebagaimana dilakukan untuk mengatasi banjir.

Semua orang sedar bahawa pengekalan kawasan hijau bukan saja sebagai pengimbang karbon dioksida dan biodiversiti, malah ia mampu mewujudkan kawasan yang tenteram, malah mengekalkan ketahanan sesebuah bangunan.

Bagaimanapun, kita sedar ada pihak yang tidak mengambil berat soal ini akibat mahu menggunakan tanah secara maksimum. Malah, kawasan bukit sudah dianggap sebagai kawasan perumahan mewah dan sanggup membuat tarahan sesuka hati tanpa mengambil kira kajian membabitkan ekologi dan alam sekitar. Kerajaan boleh menguatkuasakan prosedur dan undang-undang serta menjalankan kajian demi kajian di tapak projek, tetapi kesan yang tidak nampak di depan mata jarang mendapat perhatian.

Kita sedar pembangunan ekonomi dan permintaan rumah kediaman yang meningkat menyebabkan pelbagai projek pembinaan berjalan begitu rancak. Keadaan ini pastinya memberi tekanan kepada masalah penggunaan tanah. Akibatnya kita menyaksikan pembangunan tanpa perancangan teliti sama ada di tepi pantai, atas bukit, lereng bukit serta kawasan yang mungkin menghadapi masalah kemendapan dan pergerakan tanah. Kita percaya pihak berkuasa juga menghadapi dilema untuk menguatkuasakan undang-undang disebabkan pengawalan penggunaan tanah dalam konteks pembangunan kerana ia boleh membantutkan proses pembangunan dan pada masa sama ia juga boleh memberi kesan buruk jangka panjang.

Segala-galanya boleh diatasi jika setiap pihak mematuhi sebarang hasil keputusan kajian Kesan Penilaian Alam Sekitar (EIA) sama ada memaksa sesuatu projek terpaksa dibatalkan dengan alasan ia berpotensi mendatangkan kesan buruk kepada alam sekitar dan boleh menyebabkan malapetaka atau melaksanakan setiap arahan pencegahan walaupun terpaksa mengeluarkan modal yang besar. Persoalannya kini, perlukah setiap tahun apabila November dan Disember menjelma, langkah berjaga-jaga ditingkatkan kerana waktu ini bukan hanya masa untuk negara menghadapi bencana banjir akibat pertambahan taburan hujan tetapi kejadian tanah runtuh yang boleh meragut nyawa dan kehilangan harta benda. Malaysia tidak sepatutnya kena menghadapi masalah sedemikian kerana negara ini dikategorikan sebagai kebal daripada bencana alam

7/12/2008 (Ahad)

2,000 maut ditelan pasir jerlus

Oleh Nasron Sira Rahim nasron@bharian.com.my



Tragedi pada 7 Jun 1692 lenyapkan satu pertiga daripada pekan Port Royal di Jamaica

SEKITAR jam 11.40 pagi pada 7 Jun 1692, bandar pelabuhan Port Royal di Jamaica tiba-tiba dilanda gegaran teramat kuat. Selepas gegaran itu berhenti, bandar berkenaan mula tenggelam ke dalam tanah sehingga menyebabkan satu pertiga kawasan kotanya lenyap dan 2,000 penduduknya hilang ditelan pasir jerlus.

Tragedi menggemparkan itu diceritakan saksi, Sir Hans Sloane: “Gegaran teramat kuat itu menenggelamkan sembilan hingga 10 kawasan pekan Port Royal dalam masa dua minit manakala bangunan di tepi dermaga pula tenggelam dalam masa kurang seminit.”

Lebih menakutkan adalah dalam tempoh singkat juga, pasir jerlus dahsyat itu menelan ribuan penduduk bandar berkenaan dan kejadian menyeramkan itu digambarkan seorang saksi lain: “Gegaran dahsyatnya menyebabkan pasir merekah dan penduduk mula ‘ditelan’ ke dalamnya.”

Bencana di Port Royal pada 1692 itu terus dikenang sebagai tragedi pasir jerlus paling dahsyat dalam sejarah dunia kerana sebelum ini, pasir jerlus sering dimomokkan sekadar menelan manusia dan berlaku pada kawasan terhad saja. Akan tetapi, tragedi pada 1692 itu membuktikan bahawa kedahsyatan pasir jerlus menyebabkan ia mampu menelan sebuah kota besar dan ribuan mangsa sekali gus!

Cerita mengenai pasir jerlus sering menjadi antara momokan popular sehingga kini. Di tangan pengiat kreatif atau sutradara filem, pasir jerlus digambarkan seakan-akan ‘raksasa atau makhluk hidup’ yang menunggu penuh sabar untuk menjerat dan memerangkap mangsanya. Mangsa yang melalui di atasnya kemudian akan ditelan ke dasar tidak berpenghujung dengan kejam dan sadis.



Mangsa pasir jerlus akan lebih cepat 'disedut' jika meronta.

Ketika dalam lawatannya ke Iran, seorang penyelidik pasir jerlus dari Universiti Amsterdam, Belanda iaitu Daniel Bonn pernah menemui seorang pengembala tempatan yang menunjukkan satu kawasan pasir jerlus dan menceritakan satu kisah menakutkan kepadanya. Menurut Si pengembala itu, pernah ada unta yang berjalan di atas pasir jerlus itu dan terperangkap di atasnya. Unta itu meronta-ronta tetapi ia kemudian hilang ditelan ke dalam pasir itu sehingga tidak meninggalkan sebarang berbekas.

Pasir jerlus dipercayai turut menelan mangsanya di Malaysia antaranya pada 22 Jun lalu, dilaporkan empat kanak-kanak bersaudara, lemas selepas memijak pasir jerlus di Kampung Bangau Tanjung, berhampiran Sungai Pahang. Walaupun ramai mangsa sudah menjadi korban pasir jerlus, hakikatnya ia bukanlah raksasa hidup yang menjerat serta menelan mangsanya dengan kejam. Sebaliknya, seperti juga kejadian banjir, kilat ataupun taufan, pasir jerlus sebenarnya hanyalah satu fenomena alam yang penuh bahaya.



Sekolah Rendah Agama Hidayatul Mustaqimah Taman Beringin,
di ibu negara runtuh akibat pasir jerlus pada 12 April 2006.

Pada dasarnya, pasir jerlus terjadi apabila kawasan tanah atau pasir bercampur dengan air sehingga menyebabkan kekejalannya ikatan antara butiran pasir itu berkurang dan ia tidak mampu lagi menahan beban tertentu. Pasir jerlus boleh terhasil menerusi dua cara antaranya menerusi pergerakan air di bawah tanah yang meresap ke dalam struktur tanah seperti di tepi sungai atau pantai selain akibat gempa bumi iaitu apabila gegaran berlaku, ia meningkatkan tekanan air bawah tanah di kawasan cetek yang kemudian meresap ke dalam pasir sehingga menjadi larut. Dalam tragedi di Port Royal pada 1692, gempa bumi yang berlaku menyebabkan air dari laut meresap ke dalam pasir pantai yang menampung kota itu dan menukarkan pasir kejap itu menjadi pasir jerlus sebelum menenggelamkan kawasan bandar terbabit bersama 2,000 penduduknya.

Kajian penyelidik mendapati daya tarikan pasir jerlus juga amat besar. Pengiraan penyelidik mendapati untuk menarik keluar seseorang yang terperangkap dalam pasir jerlus yang menyedut pada kecepatan satu sentimeter perdetik, ia memerlukan kekuatan 100,000 Newton untuk menarik mangsa itu keluar sebanyak 0.3 meter. Kekuatan itu setara dengan kekuatan seseorang mengangkat sebuah kereta. Bagaimanapun, penyelidik mendapati faktor kecepatan sesuatu objek ditelan pasir jerlus bergantung kepada kepadatan objek terbabit.

Kajian mendapati kepadatan pasir jerlus umumnya adalah 2 gram permililiter manakala kepadatan manusia adalah 1 gram permililiter. Justeru, jika seseorang yang terperangkap di dalam pasir jerlus, mangsa akan lebih cepat tenggelam jika dia meronta. Sebaliknya jika mangsa bertenang dan tidak bergerak, jasadnya akan terapung perlahan-lahan. "Keadaan yang paling berbahaya adalah apabila pasir jerlus cenderung menarik dengan cepat, tapi kesabaran dapat menyelamatkan anda. Jika ditunggu dengan sabar, partikel pasir lambat laun akan stabil sehingga daya apung campuran itu akan mengangkat anda ke atas.

"Kami mengetahui bahwa lapisan pasir di bawahnya lebih rapat sedangkan air lebih banyak di lapisan atas. Lapisan pasir yang sangat pekat di bawah sangat sedikit mengandung air sehingga sulit melepas kaki yang terperosok ke dalamnya," kata Bonn.

INFO: Mangsa pasir jerlus di Malaysia

2 Mac 2007: Kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun maut selepas tenggelam di lagun apabila disedut pasirjerlus ketika mencari kepah bersama keluarganya di Pantai Semerak, Pasir Puteh, Kelantan.

19 Februari 2007: Seorang datuk dan cucunya lemas dipercayai akibat pasir jerlus ketika memukat ikan di pesisir Pantai Beraya, Bekenu, dekat Miri, Sarawak.

1 Julai 2005: Lima sekeluarga hampir lemas selepas ditelan pasir jerlus di Pantai Semerak, Pasir Putih, Kelantan. Semua mereka bagaimanapun berjaya diselamatkan walaupun seorang koma dan seorang lagi cedera.

10 Februari 2005: Enam mangsa maut akibat lemas selepas terperangkap dalam pasir jerlus di Sungai Pahang.

8/12/2008 (Isnin)

Projek dilulus tak patut dilaksana

Laporan Sariha Mohd Ali, Abdul Halim Mohd Yusof, Johari Ibrahim, Nasir Abd Wahab, Abdul Razak Raaff, Hussain Said, Matzidi Dris, Mohd Anwar Patho Rohman, Rafidah Mat Ruzki, Azida Shaharuddin, Nahar Tajri, Irwan Shafrizan Ismail, Rosdalilah Zahari, Jalal Ali Abdul Rahim, Ifwan Tun Tuah, Nahar Tajri dan Khairul Azran Hussin dan Betty Subaryati bhnews@bharian.com.my



PASUKAN keselamatan membantu penghuni kondominium berhampiran menyelamatkan diri berikutan kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, kelmarin.

Kaji semula binaan dalam pelaksanaan: Najib

PEKAN: Semua kerajaan negeri diminta menghentikan projek sedang dalam pembinaan di kawasan bukit berisiko tinggi bagi mengelak tragedi tanah runtuh berulang hingga mengorbankan nyawa. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata selain larangan dikeluarkan kerajaan bagi projek baru, pemantauan dan kajian perlu dilakukan terhadap projek sedang dalam pembinaan.

Berikutan itu, beliau berkata, agensi tertentu termasuk Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) perlu mengkaji tahap keselamatan projek sedang dibina di kawasan berbukit atau cerun bagi menentukan tindakan selanjutnya. Katanya, urusan kelulusan pembangunan dan penukaran status tanah adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri dan kerajaan Pusat hanya memberi garis panduan mengenainya.

"Mana-mana projek pembangunan belum bermula tetapi membabitkan kawasan berisiko tinggi tidak patut dilaksanakan sama sekali, manakala projek sedang dalam pembinaan perlu dikaji semula agensi berkaitan seperti Ikram. "Jika projek itu disifatkan berisiko tinggi, saya harap kerajaan negeri tidak meneruskan pembinaannya. "Jika tidak, tragedi di Bukit Antarabangsa boleh berulang dan kita tidak mendapat sebarang pengajaran daripada malapetaka ini," katanya selepas menyerahkan 179 lembu korban kepada masjid dan surau dalam kawasan Parlimen Pekan, di sini, semalam.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dan Exco kerajaan Pahang, Datuk Ishak Muhammad. Dalam kejadian jam 4 pagi kelmarin, empat terbunuh dan 23 cedera apabila 14 rumah banglo mewah di lereng bukit di Taman Mewah, ranap akibat tanah runtuh.

Najib berkata, kerajaan tidak perlu memberi nasihat kepada pemaju berhubung tahap keselamatan pembangunan di tanah tinggi kerana mereka sepatutnya lebih mengetahui perkara itu. 'Mengulas keadaan hujan berterusan yang memungkinan berlaku banjir, Najib berkata, kerajaan sudah bersiap sedia menghadapi bencana alam itu, "Kita tidak menghadapi sebarang masalah membuat persediaan diperlukan sebab sudah biasa mengalami banjir," katanya.

8/12/2008 (Isnin)

Semua negeri akur henti pembangunan di tanah tinggi

KUALA LUMPUR: Semua kerajaan negeri akur dengan arahan Kerajaan Pusat supaya menghentikan semua projek pembangunan di tanah tinggi, kecuali Pulau Pinang yang hanya memperketatkan syarat pembangunan di kawasan berkenaan.

Ketika hampir semua kerajaan negeri menyokong arahan itu bagi menjamin keselamatan penduduk kawasan berkenaan, Pulau Pinang yang ditadbir pembangkang membuat keputusan bertentangan, malah keputusan negeri itu berbeza berbanding Perak, Kedah, Selangor dan Kelantan yang turut ditadbir Pakatan Rakyat.

Di **MELAKA**, Kerajaan negeri sudah membekukan projek pembangunan di tanah tinggi bagi mematuhi arahan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengelak tragedi tanah runtuh seperti yang berlaku di Taman Bukit Mewah, Hulu Klang hingga mengorbankan empat nyawa. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata kerajaan negeri memastikan tidak ada pembangunan seperti itu diluluskan sejak tragedi kondominium Highland Towers tumbang akibat hakisan tanah cerun pada 11 Disember 1993.

Di **SEREMBAN**: Kerajaan negeri memberi jaminan tidak membangunkan kawasan berbukit berisiko tinggi, kata Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Norzam Mohd Nor. "Kita akan pastikan bukit tidak ditarah dan digondolkan, laut dan sungai ditambah serta hutan ditebang sewenang-wenangnya dan sesuka hati semata-mata untuk melaksanakan projek pembangunan. Kita mesti bersahabat dan mencintai alam sekitar," katanya ketika dihubungi.

Di **KUANTAN**: Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata Sidang Dewan Negeri (DUN) bulan lalu mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) merujuk kepada kerajaan negeri untuk pengesahan sebelum melaksanakan projek pembangunan hartanah.

"Terdapat tiga kawasan tanah tinggi utama di Pahang iaitu Cameron Highlands, Fraser Hill dan Bukit Tinggi. Setakat ini Fraser Hill terkawal sepenuhnya, sementara Cameron Highlands dan Bukit Tinggi memerlukan penilaian semula," katanya.

Di **KUALA TERENGGANU**, Menteri Besar, Datuk Ahmad Said mengarahkan semua PBT memantau dan mengambil langkah pencegahan ketika melaksanakan projek pembangunan di kawasan tanah tinggi.

Di **KUCHING**: Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, berkata semua pihak berkuasa di negeri ini sudah diarah memantau rapi semua projek pembangunan di lereng bukit dan kawasan berhampirannya.

Di **JOHOR BAHRU**, Datuk Bandarnya, Datuk Mohd Naim Nasir, berkata kawasan pentadbirannya tidak mempunyai pembangunan di kawasan yang berisiko tinggi sama ada di cerun bukit atau tanah tinggi.

Di **GEORGETOWN**: Kerajaan Pulau Pinang tidak bercadang menghentikan projek pembangunan di kawasan berbukit berisiko tinggi, tetapi mengenakan beberapa syarat ketat untuk dipatuhi bagi mengelak kejadian tidak diingini. Ketua Menteri, Lim Guan Eng, berkata syarat itu termasuk mewajibkan pemaju menyerahkan laporan geo-teknikal tanah kawasan projek kepada PBT seminggu sekali berbanding sebulan sekali sebelum ini.

Di **SHAH ALAM**: Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim mengarahkan semua projek pembinaan di tanah tinggi di negeri itu dihentikan buat sementara waktu sehingga kerajaan negeri mendapat laporan teknikal daripada Biro Teknikal Jabatan Kerja Raya. "Keputusan itu dibuat berikutan kemungkinan risiko tanah runtuh berulang selepas projek berkenaan siap, jadi lebih baik kita ambil langkah awal bagi mengenal pasti sebarang kemungkinan," katanya ketika ditemui di tapak kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa.

Di **ALOR STAR**: Kerajaan Pas Kedah akan mematuhi arahan Kerajaan Pusat tidak membenarkan pembangunan di kawasan lereng atau tanah tinggi yang berisiko. Exco Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan Kerja Raya, Datuk Phahrolrazi Zawawi, berkata Kedah bersetuju dengan arahan itu walaupun negeri berkenaan tidak banyak projek seperti itu.

Di **KOTA BHARU**: Tiada projek perumahan yang dilulus dan dibangunkan di kawasan tanah tinggi di Kelantan, kecuali projek pertanian di Tanah Tinggi Lojing, dekat Gua Musang yang pembangunannya dikawal kerajaan negeri, kata Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerja Raya, Utiliti dan Alam Sekitar negeri, Mejar (B) Anizam Abd Rahman.

Di **IPOH**: Menteri Besar, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin mengesahkan kerajaan negeri tidak akan meluluskan sebarang permohonan untuk memajukan projek pembangunan dan penempatan membabitkan kawasan lereng bukit, berkuat kuasa serta merta.

Di **PUTRAJAYA**, Presiden Jawatankuasa Pemantau Cerun Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Samsudin Osman, berkata pihaknya sentiasa memantau bagi memastikan kawasan cerun bukit di situ selamat.

8/12/2008 (Isnin)

Sokong syor perketat pembangunan tanah tinggi



ANGGOTA Tentera dari Kor Kejuruteraan DiRaja Tentera Darat memasang jambatan sementara Vickers BR90 bagi menyambungkan laluan terputus akibat kejadian tanah runtuh.

KUALA LUMPUR: Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) menyokong usaha kerajaan memperketatkan kawal selia terhadap pembangunan di kawasan bukit berisiko tinggi berlaku tanah runtuh tetapi mahu pelaksanaannya dilakukan secara telus dan rasional. Presidennya, Datuk Ng Seing Liong, berkata walaupun pembangunan secara mapan dan perlindungan alam sekitar harus diutamakan, pembangunan di kawasan bukit harus diberi pertimbangan sewajarnya dan bukan diharamkan secara keseluruhan.

“Kami menyokong keperluan mengimbangi isu jangka pendek seperti pencegahan risiko tanah runtuh dan sistem perparitan serta saluran yang baik selain tindakan jangka panjang seperti penyenggaraan berkala yang lebih kerap. “Ini dapat dibantu oleh pihak berkuasa dengan menempatkan garis panduan dan prosedur ketat bagi memastikan pembangunan dilaksanakan mengikut perancangan, seperti mana ditetapkan dalam Pelan Induk Cerun kebangsaan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua kerajaan negeri menimbang untuk menghentikan projek perumahan di kawasan lereng bukit dan cerun yang berisiko tinggi. Beliau berkata demikian selepas melawat tapak tragedi terbaru awal pagi kelmarin di mana empat mangsa terkorban dan 14 banglo di Taman Bukit Mewah dan Taman Bukit Utama di kawasan Bukit Antarabangsa ranap dalam kejadian tanah runtuh.

Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak turut menegaskan bahawa kerajaan tidak akan membenarkan mana-mana pembangunan dijalankan di kawasan berbukit berisiko tinggi bagi mengelakkan tragedi tanah runtuh berulang. Sehubungan itu, beliau meminta pemaju jangan lagi menekan kerajaan untuk melobi bagi mendapatkan kelulusan untuk membangunkan sesuatu projek di kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi.

Ng berkata, kerajaan negeri Selangor sudah mengharamkan pembinaan di kawasan cerun Kelas 3 dan 4, membabitkan cerun 25 darjah dan lebih sejak April tahun ini dan Rehda masih

berusaha meminta kerajaan Selangor mengkaji semula pengharaman itu. Jelas beliau, pembangunan kawasan bukit boleh dilakukan dengan selamat sekiranya semua garis panduan, peraturan dan undang-undang sedia ada di patuhi manakala reka bentuk serta kaedah pembinaan lebih canggih diguna pakai.

Selain itu, katanya, Rehda juga kerap mengingatkan pemaju supaya lebih berdaya saing dengan melabur dalam teknologi, inovasi dan pengetahuan terkini sektor pembinaan selain membudayakan amalan pembangunan mapan tanpa menjejaskan alam sekitar. Beliau turut merujuk kepada kertas kerja Felo Akademi Sains Malaysia, Dr Gue See-Sew pada 15 November lalu bertajuk 'Tanah Runtuh: Kenapa, Mengapa dan Langkah Seterusnya', yang berpendapat pembangunan di kawasan cerun adalah selamat sekiranya penstabilan tapak dilakukan terlebih dulu.

Gue, seorang jurutera geo-teknikal, menyatakan bahawa kebanyakan kejadian tanah runtuh berpunca daripada kecuai manusia kerana tiada penyiasatan rapi mengenai kesesuaian tanah atau kekuatan tapak dilakukan.

8/12/2008 (Isnin)

Perumahan lama juga kena pantau

Oleh Norfatimah Ahmad tim@bharian.com.my



ANGGOTA penyelamat meneruskan operasi mencari mangsa tanah runtuh di Taman Bukit Mewah.

PBT perlu bertindak atas dasar tanggungjawab

KUALA LUMPUR: Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menjalankan pemantauan berterusan ke atas projek pembangunan tanah tinggi, termasuk kawasan yang sudah lama didiami bagi mengelak kejadian tanah runtuh. Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ahmad Fuad Ismail, berkata walaupun selepas sekian lama sesuatu projek itu siap, kerja pemantauan penting untuk menjamin keselamatan harta benda dan nyawa penduduk sekitarnya. Beliau berkata, sebagai tugas lazim setiap PBT, ia tidak perlu

diingatkan berulang kali, malah sejajar tanggungjawab serta kuasa mereka dalam meluluskan projek pembangunan.

“Jangan abaikan projek yang sudah lama siap kerana kesan daripada pembangunan yang dijalankan tidak akan berlaku dalam masa singkat, terutama di kawasan tadahan hujan seperti di sekitar Bukit Antarabangsa. “Jika dikesan tanda yang boleh membahayakan penduduk sekitarnya, kerjasama agensi berkaitan perlu untuk mengesahkan keadaan sebelum arahan segera berpindah dikeluarkan.

“Bagaimanapun, dalam kejadian terbaru di Bukit Antarabangsa ini, tiada pihak yang patut dipersalahkan ketika ini sehingga siasatan dan laporan lengkap punca kejadian itu siap,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sabtu lalu, kejadian tanah runtuh kira-kira jam 4 pagi yang meranapkan 14 banglo di lereng bukit di Taman Bukit Mewah, Hulu Klang dekat sini meragut empat nyawa. Berikutan tragedi itu, 3,000 hingga 5,000 penduduk sekitar terputus hubungan apabila satu-satunya jalan masuk ke perumahan mereka ditimbus runtuh tanah membabitkan kawasan seluas lebih empat hektar.

Ahmad Fuad juga mengingatkan PBT supaya sentiasa peka dan bertindak pantas jika menerima sebarang aduan penduduk berhubung masalah perparitan atau pergerakan tanah kerana kesan sampingannya boleh meragut nyawa. “Sistem perparitan terutama fungsi longkang perlu diteliti kerana tanpa pemantauan rapi, air yang melimpah boleh menyebabkan tanah lembap dan melonggarkan tanah, manakala pembinaan tembok penghadang pula belum pasti tahap keberkesananannya. Malah, ada di sesetengah kawasan yang dikesan berlaku pergerakan tanah hanya diletakkan plastik sebagai langkah sementara, tanpa tindakan lanjut.

“Begitu juga dengan keadaan tanah, kerja menanam cerucuk dan laporan geoteknikal yang sepatutnya dihasilkan dengan penuh bertanggungjawab, bukan sekadar untuk memastikan kertas permohonan diluluskan saja, tanpa mengambil kira kesan jangka panjang,” katanya.

Beliau berkata, kejadian Sabtu lalu itu ada kaitan dengan kelemahan sistem terdahulu dan jika semua prosedur yang ditetapkan sekarang diguna pakai, kejadian ini tidak sepatutnya berlaku bagi projek yang baru siap.

9/12/2008 (Selasa)

70 cerun berisiko runtuh



WALAUPUN kawasan kediaman mereka masih tidak menentu, penduduk Taman Bukit Mewah tetap bersama-sama berjemaah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Addinniah, Bukit Antarabangsa, semalam.

Struktur tanah di kawasan Bukit Antarabangsa perlu diuji: Pakar

KUALA LUMPUR: Kawasan sekitar Bukit Antarabangsa dekat sini yang mengalami kejadian tanah runtuh Sabtu lalu, dikenal pasti mempunyai lebih 70 cerun yang perlu dikaji ketahanannya bagi memastikan keselamatan kira-kira 5,000 penduduk di situ. Kajian itu penting kerana kawasan bukit berkenaan dan sekitarnya terbentuk daripada gabungan struktur berpasir dan keladak yang tinggi, manakala kandungan tanah liatnya pula rendah, sekali gus mudah runtuh jika dilanda hujan berpanjangan.

Pakar kaji bumi berpendapat, kestabilan struktur setiap cerun di kawasan itu perlu dipastikan bagi membolehkan risiko keruntuhan tanah dan langkah pencegahan yang berkesan dapat diambil untuk menjamin keselamatan penempatan terbabit.

Pengarah Pusat Penyelidikan Hakisan Tanah Negara (Nasec) di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Dr Roslan Zainal Abidin, berkata tanah runtuh Sabtu lalu berlaku kerana hujan berlarutan lima hari dengan jumlah taburan lebih 70 milimeter (mm).

"Jika kita imbas kembali tragedi Highland Towers yang runtuh di kawasan berkenaan pada Disember 1993, jumlah hujan yang mengakibatkan pergerakan tanah sehingga meruntuhkan bangunan itu hanya 30 mm. "Hakikatnya, kajian kebolehruntuhan tanah di kawasan sekitar Bukit Antarabangsa, termasuk Highland Towers dan Taman Hillview sudah membuktikan struktur tanah di ketiga-tiga kawasan terbabit berisiko tinggi.

"Bagaimanapun, penduduk masih boleh terus menetap di situ, asalkan kerajaan dan pemaju menstruktur semula seluruh kawasan terbabit dengan membahagikannya kepada beberapa zon mengikut tahap risiko. "Penanaman pokok dan pembinaan tembok penahan saja sebenarnya tidak cukup untuk mencegah runtuh tanah jika sistem saluran air bawah tanah di situ tidak diperbaiki secara sistematik," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pandangan Roslan dipersetujui Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia (Lestari), Prof Datuk Dr Ibrahim Komoo, yang mencadangkan setiap

daripada 70 cerun yang dikenal pasti itu dikaji secara berasingan. "Pengurusan dan inventori cerun di kawasan Bukit Antarabangsa boleh membantu pihak berkuasa mengenal pasti kawasan yang terdedah kepada kejadian tanah runtuh untuk memberikan amaran awal kepada orang ramai," katanya.

Sementara itu, operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) mangsa tanah runtuh di kawasan itu yang dihentikan selepas empat mangsa ditemui kelmarin, disambung semula malam semalam berikutan maklumat mungkin ada seorang lagi mangsa masih terperangkap.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar yang mengetuai SAR itu berkata, pihaknya mendapat laporan bahawa pembantu rumah mendiang doktor veterinar, N Yogeswari, 40, yang terkorban dalam kejadian itu, masih hilang. "Berdasarkan maklumat itu, SAR kini ditumpukan di sekitar kawasan rumah nombor 1, Jalan Bukit Mewah untuk mencari mangsa, seorang warga Sri Lanka berusia 30-an yang sudah bekerja di situ sejak enam tahun lalu," katanya di sini, semalam.

Bagaimanapun, operasi mencari dan menyelamatkan yang dilakukan semalam terpaksa dihentikan dua kali selepas Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) mengesan berlaku pergerakan tanah yang besar sehingga boleh mengancam keselamatan pasukan SAR. Dalam pada itu, kira-kira 3,000 penduduk kawasan berkenaan yang sebelum ini terputus hubungan menarik nafas lega apabila satu lagi laluan alternatif yang menghubungkan Taman Bukit Mewah ke Apartmen Impiana Selatan, berjaya dibina petang semalam.

Laluan alternatif sepanjang 300 meter itu dibuka pada jam 6.30 petang selepas 20 struktur khas yang dikenali sebagai 'Mobemat' berukuran 14.7 meter (m) panjang dan 4.2m lebar dipasang oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Tenaga Nasional Bhd (TNB) juga berjaya memulihkan sepenuhnya bekalan elektrik kepada 1,500 penduduk yang terputus bekalan berkenaan sejak kejadian Sabtu lalu. Naib Presiden (Pembahagian) TNB, Azman Mohd, berkata bekalan pulih jam 5.26 petang.

9/12/2008 (Selasa)

Siasatan tiga kes salah urus dana awam selesai

Oleh Norfatimah Ahmad tim@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Badan Pencegah Rasuah (BPR), sudah selesai menjalankan siasatan terhadap sekurang-kurangnya tiga kes salah pengurusan dana awam yang didedahkan Laporan Ketua Audit Negara 2007.

Pengarah Siasatan BPR, Datuk Shukri Abdull, berkata kertas siasatan semua kes membabitkan laporan berkenaan dapat dilengkapkan selepas pihaknya mengumpul keterangan serta dokumen berkaitan yang diperlukan baru-baru ini.

"Ketika ini, Bahagian Pendakwaan BPR sedang meneliti laporan hasil siasatan yang dijalankan sebelum memutuskan tindakan lanjut yang perlu diambil, sama ada diteruskan dengan proses pendakwaan di mahkamah atau mendapatkan maklumat tambahan untuk mengukuhkan lagi kertas siasatan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Laporan Ketua Audit Negara 2007 yang dibentangkan di Parlimen pada 29 Ogos lalu mendedahkan wujud banyak kelemahan di beberapa kementerian dan agensi kerajaan. Antaranya kehilangan peralatan Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) bernilai RM9.56 juta dan kelemahan pengurusan sistem kompaun Jabatan Alam Sekitar (JAS) di beberapa negeri.

Isu lain dilaporkan sebelum ini ialah penggunaan tanah milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan tunggakan saman trafik, pelaburan RM537.04 juta Composite Tecnology Reseach Malaysia Sdn Bhd (CTRM) yang memiliki anak syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat, tetapi mencatatkan kerugian serta pembelian mesin pengimejan oleh Kementerian Kesihatan bernilai RM33 juta. Turut didedahkan laporan audit itu ialah kelemahan pengurusan berhubung Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan projek pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Markas Wilayah Laut 11, Teluk Sepanggar, Sabah.

Shukri berkata, pihaknya berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan semua pihak yang terbabit dalam pelaksanaan program dan projek jabatan kerajaan itu sejak siasatan bermula Ogos lalu. Mengenai dakwaan berlaku penyelewengan dalam prosedur proses tender pembelian 12 helikopter Eurocopter C-725 bernilai RM1.604 bilion, beliau berkata, siasatan mengenainya kini pada peringkat akhir dan dijangka selesai dalam masa terdekat. Pada 28 Oktober lalu, kerajaan mengumumkan penanguhan pembelian helikopter Eurocopter berikutan krisis kewangan global. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, keputusan itu dibuat Majlis Ekonomi Kebangsaan yang dipengeruskannya pada 13 Oktober lalu.

9/12/2008 (Selasa)

Sentral: Sekretariat diminta bincang isu pembangunan berbukit

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil inasalwa@bharian.com.my

Projek Bukit Gasing, 21 banglo Medan Damansara diambil kira

KUALA LUMPUR: Kementerian Wilayah Persekutuan akan meminta sekretariat Kabinet mengatur taklimat khas membabitkan Kementerian Sumber Asli, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi membincangkan isu pembangunan di kawasan berbukit.

Menterinya, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, berkata antara yang dibangkitkan ialah isu teknikal mengenai definisi projek di kawasan berbukit, isu perundangan dan kewangan serta perkara lain yang berbangkit. “Ia termasuk projek di Bukit Gasing dan Pembangunan 21 unit banglo di Medan Damansara. Pada masa sama, DBKL sentiasa memantau semua projek pembangunan di kawasan berbukit di ibu negara bagi memastikan tidak berlaku tanah runtuh,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk mengkaji dan menangguhkan projek di kawasan berbukit berikutan insiden tanah runtuh yang mengorbankan empat nyawa di Taman Bukit Mewah, Bukit Antarabangsa, awal pagi kelmarin.

Zulhasnan berkata, pihaknya juga menubuhkan Jawatankuasa Alam Sekitar Sensitif sejak tiga tahun lalu yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan yang turut dianggotai ahli Jabatan Geo Sains, Jabatan Kerja Awam (JKA) DBKL, Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) dan Jabatan Cerun JKR. “Ia bertujuan membuat keputusan dan memantau projek sensitif dan berbukit di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya termasuk projek Bukit Gasing dan Pembangunan 21 unit banglo di Medan Damansara,” katanya.

Sementara itu, Zulhasnan berkata, pasukan penyelamat, penyelamat bencana alam DBKL sudah diarahkan untuk membantu operasi menyelamatkan di tempat kejadian. “Selain bantuan peralatan jentera berat, kita memberi bantuan lain yang diperlukan dari semasa ke semasa,” katanya,

Beliau yang juga Ahli Parlimen Setiawangsa berkata, Pusat Khidmat Wakil Rakyat Parlimen setiawangsa turut menubuhkan khemah sementara untuk mengedarkan makanan dan minuman kepada mangsa di kawasan terdampak dikendalikan Restoran Ali Maju.

9/12/2008 (Selasa)

'Haramkan serta-merta pembangunan lereng bukit'

KUALA LUMPUR: Kerajaan harus mengharamkan serta-merta semua pembangunan di kawasan cerun dan lereng bukit sehingga diperakui selamat untuk diteruskan dan undang-undang lebih ketat digubal bagi kawasan tanah tinggi, bukit serta cerun.

Presiden Majlis Peguam Malaysia (Majlis Peguam), Datuk Ambiga Sreenivasan, berkata kerajaan wajar mengambil keputusan tegas bagi mengelakkan berulangnya tragedi seperti di Bukit Antarabangsa, awal pagi Sabtu lalu, yang mengorbankan empat mangsa.

"Buat masa sekarang, orang ramai yang khuatir kediaman mungkin diancam tanah runtuh akibat projek pembangunan boleh memohon perintah penyekatan bagi menghalang pemaju meneruskan kerja.

"Kerajaan perlu mengkaji sama ada kejadian tanah runtuh yang berlaku setakat ini adalah bencana alam atau akibat perbuatan manusia dan mengemas kini undang-undang berkaitan selain meningkatkan usaha menguatkuasa syarat terbabit," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pemilik dan Penghuni Highland Towers, Dr Benjamin George pula menyuarakan kekecewaan kerana saman yang dikemukakan terhadap 10 defendan bagi menuntut ganti rugi antara RM31 hingga RM35 juta menemui jalan buntu.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata beliau secara peribadi berpendapat, sekiranya kawasan perumahan sekitar Bukit Antarabangsa, Hulu Klang dekat sini masih berisiko tinggi untuk diduduki adalah wajar untuk penduduk mengosongkan kediaman mereka demi keselamatan.

Katanya, kejadian tanah runtuh kelmarin yang meragut empat nyawa adalah insiden keempat menimpa kawasan sekitar Bukit Antarabangsa. "Saya tengok kawasan ini sudah tiga kali berlaku kejadian tanah runtuh, kalau saya... saya akan mengarahkan semua penduduk keluar kerana nyawa lebih penting," katanya ketika mengadakan lawatan ke lokasi tanah runtuh di sini, semalam.

9/12/2008 (Selasa)

'Haramkan serta-merta pembangunan lereng bukit'

KUALA LUMPUR: Kerajaan harus mengharamkan serta-merta semua pembangunan di kawasan cerun dan lereng bukit sehingga diperakui selamat untuk diteruskan dan undang-undang lebih ketat digubal bagi kawasan tanah tinggi, bukit serta cerun. Presiden Majlis Peguam Malaysia (Majlis Peguam), Datuk Ambiga Sreenivasan, berkata kerajaan wajar mengambil keputusan tegas bagi mengelakkan berulangnya tragedi seperti di Bukit Antarabangsa, awal pagi Sabtu lalu, yang mengorbankan empat mangsa.

"Buat masa sekarang, orang ramai yang khuatir kediaman mungkin diancam tanah runtuh akibat projek pembangunan boleh memohon perintah penyekatan bagi menghalang pemaju meneruskan kerja. "Kerajaan perlu mengkaji sama ada kejadian tanah runtuh yang berlaku setakat ini adalah bencana alam atau akibat perbuatan manusia dan mengemas kini undang-undang berkaitan selain meningkatkan usaha menguatkuasa syarat terbabit," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pemilik dan Penghuni Highland Towers, Dr Benjamin George pula menyuarakan kekecewaan kerana saman yang dikemukakan terhadap 10 defendan bagi menuntut ganti rugi antara RM31 hingga RM35 juta menemui jalan buntu.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata beliau secara peribadi berpendapat, sekiranya kawasan perumahan sekitar Bukit Antarabangsa, Hulu Klang dekat sini masih berisiko tinggi untuk diduduki adalah wajar untuk penduduk mengosongkan kediaman mereka demi keselamatan.

Katanya, kejadian tanah runtuh kelmarin yang meragut empat nyawa adalah insiden keempat menimpa kawasan sekitar Bukit Antarabangsa. "Saya tengok kawasan ini sudah tiga kali berlaku kejadian tanah runtuh, kalau saya... saya akan mengarahkan semua penduduk keluar kerana nyawa lebih penting," katanya ketika mengadakan lawatan ke lokasi tanah runtuh di sini, semalam.

10/12/2008 (Rabu)

Penduduk saman PBT



KETUA Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar bersama agensi keselamatan yang terbabit dalam kejadian tanah runtuh berbincang pada sesi dialog bersama persatuan penduduk dan sebahagian penduduk yang terbabit dalam kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, semalam.

Mangsa tragedi Bukit Antarabangsa dakwa aduan tak dilayan

KUALA LUMPUR: Penduduk Bukit Antarabangsa dekat sini yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh yang meranapkan 14 banglo dan mengorbankan empat nyawa Sabtu lalu, bercadang memfailkan saman terhadap pihak berkuasa tempatan bagi menuntut ganti rugi. Bagi tujuan itu, penduduk terbabit menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Penduduk Bukit Antarabangsa yang diberi tanggungjawab untuk melantik peguam bagi membawa kes saman dan tuntutan mereka ke mahkamah.

Pengerusi jawatankuasa itu, Datuk N Muneandy, berkata keputusan untuk mengemukakan saman terhadap pihak berkuasa tempatan itu dibuat kerana penduduk berkenaan yakin mereka mempunyai bukti kukuh untuk berbuat demikian. "Kami yakin ada bukti kukuh termasuk gambar yang dirakam dan beberapa aduan yang dibuat kepada pihak berkuasa tempatan sebelum kejadian itu," katanya pada sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, di sini semalam.

Tanpa menyatakan jumlah ganti rugi yang ingin dituntut, Muneandy mendakwa penduduk kawasan itu juga sudah membuat aduan awal dan memaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan mengenai kemungkinan berlaku tanah runtuh. "Kami sudah laporkan mengenai kejadian beberapa pokok tumbang kepada pihak berkuasa bagi memberi petunjuk ada sesuatu yang mungkin berlaku, namun pihak berkuasa hanya datang memotong pokok tanpa tindakan pencegahan lain," katanya.

Kejadian tanah runtuh itu juga turut menyebabkan beribu-ribu penduduk terperangkap kerana terputus hubungan selama beberapa hari, selain tiada bekalan elektrik dan air. "Kami sungguh kecewa dengan kejadian ini. Bukan kami yang bina perumahan ini, bagaimana pihak berkuasa tempatan boleh meluluskan projek ini," katanya sambil menjelaskan keputusan menyaman pihak berkuasa tempatan itu diambil kerana tanah runtuh berkenaan bukan berpunca daripada kesalahan penduduk.

Beliau juga menggesa kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pemaju perumahan yang membina projek perumahan di lereng bukit berkenaan sehingga mengakibatkan pelbagai kesengsaraan serta kesulitan kepada penduduk. "Kita juga mahu kerajaan segera menubuhkan satu jawatankuasa khas yang turut dianggotai penduduk bagi menyiasat punca kejadian. Ini membabitkan rumah tempat kami tinggal, jadi kami mahu kerajaan mengambil tindakan segera," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika ditanya mengenai cadangan penduduk terbabit menyaman pihak berkuasa tempatan berkata, terpulang kepada mereka untuk menentukan sebarang tindakan. Bagaimanapun, katanya, kejadian yang berlaku Sabtu lalu itu berpunca daripada sesuatu yang di luar kawalan dan bukan disengajakan serta kerajaan berusaha membantu untuk meringankan beban mereka yang terbabit.

"Apa yang berlaku itu adalah sesuatu yang kita kesali dan bukan secara sengaja. Kita bukan tidak mengira kesusahan mereka dan pihak berkuasa sudah melakukan sesuatu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), di sini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan mempertimbangkan mengenai bayaran pampasan kepada mangsa tragedi berkenaan. Sementara itu, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menafikan dakwaan gagal memberi tindak balas positif terhadap aduan penduduk Bukit Antarabangsa berhubung beberapa isu termasuk yang membabitkan soal hakisan tanah dan pemotongan pokok di kawasan itu.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Norhayati Ahmad, berkata tindakan segera sudah dilaksanakan sama ada oleh MPAJ atau pemaju bagi menangani masalah. "Misalnya, selepas menerima aduan mengenai hakisan di jalan utama ke Bukit Antarabangsa pada September lalu, kami segera menghantar pakar ke situ dan membina sangkar batu bagi menyekat hakisan seterusnya," katanya.

11/12/2008 (Khamis)

PAC syor akta khas kawal pembangunan lereng bukit

Oleh ARIFFUDDIN ISHAK



PENGERUSI Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Datuk Seri Azmi Khalid (dua, kiri) ketika meninjau kawasan berlakunya tragedi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang di sini, hari ini. Mengiringi beliau, Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar (dua, kanan) dan Ketua Wanita Umno Johor Datuk Halimah Sadique. - fotoBERNAMA

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mencadangkan agar satu akta berkaitan cerun perlu diwujudkan bagi pembangunan di kawasan lereng bukit. Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid berkata kementerian berkaitan perlu memberi perhatian serius mengenai perkara ini kerana Malaysia tidak mempunyai akta khusus mengenainya.

"Perbezaan iklim akan menjadi satu cabaran kerana negara kita menerima hujan yang lebat. "Jadi kita tidak boleh pakai standard dari negara luar yang kurang hujan..Jadi kita perlu ada standard sendiri," katanya dalam sidang media selepas melawat kawasan tragedi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa di sini hari ini.

Tambah beliau lagi, akta tersebut perlu diguna pakai di seluruh negara terutamanya bagi kawasan lereng bukit yang berisiko tinggi. "Prosesnya ialah buat perundangan diperingkat pusat dan kemudiannya ia perlu diwartakan diperingkat negeri ,"katanya.

Menurut Khalid, kelemahan paling ketara dalam Garis Panduan Kesan Alam Sekitar(EIA)sedia ada ialah ia hanya digunakan pada pembinaan di kawasan melebihi 50 ekar. "Ini satu kelemahan yang ketara, kita mahu apa jua pembangunan lereng bukit wajar dan perlu diadakan kajian EIA,"ujarnya.

Jelasnya, kerajaan pusat tidak mempunyai kuasa mengenainya kerana perkara berkaitan tanah dan pembangunan terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Beliau turut mengingatkan kepada pemaju agar lebih bertanggungjawab dan tidak terlalu memikirkan soal keuntungan semata-mata dengan mebinna sebanyak mungkin pembangunan di kawasan tanah tinggi tanpa mengendahkan soal keselamatan. Tambahnya, penyelenggaraan di kawasan lereng bukit perlu dipertingkatkan dan diberi perhatian. "Di Hong Kong mereka ada 'hill side order' yang memerlukan penyelenggaraan diberi perhatian tegas," katanya.

Azmi turut mencadangkan supaya pemilik rumah di kawasan lereng bukit mengeluarkan peruntukan sendiri untuk membuat pemeriksaan setiap 6 bulan bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan. "Anda tinggal di lereng bukit, ia bukan murah dan sangat mahal.. Jika tidak ada wang yang cukup untuk bina dan selenggara di tempat lereng bukit, lebih baik jangan,"ujarnya.

11/12/2008 (Khamis)

Penghuni 12 rumah diancam tanah runtuh dipindah

Oleh Norfatimah Ahmad tim@bharian.com.my

SUNGAI BULOH: Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) semalam mengeluarkan arahan berpindah kepada penghuni 12 unit rumah teres dua tingkat di Sungai Buloh Country Resort (SBCR), Saujana Utama dekat sini, selepas mendapati tembok penghadang berhampiran kawasan itu tidak selamat kerana diancam tanah runtuh.

Yang Dipertua MDKS, Haris Kassim, berkata arahan yang dikeluarkan selepas mendapat nasihat pakar unit cerun Jabatan Kerja Raya (JKR) itu berkuat kuasa serta-merta kepada semua penduduk di Jalan Melor 1/5 SBCR sebagai langkah keselamatan selepas berlaku pergerakan tanah di kawasan terbabit sejak Isnin lalu.

Beliau berkata, pihak MDKS bersama pemaju projek berkenaan, Glomac Bhd (Glomac) mula memantau rapi tahap keselamatan tembok penghadang di kawasan bukit berkenaan selepas menerima aduan daripada penduduk pada Aidiladha baru-baru ini.

"Pergerakan tanah menyebabkan tembok penghadang setinggi lebih 10 meter yang dibina semakin menampakkan tanda kurang selamat, lebih-lebih lagi kerana bahagian belakang rumah teres itu hanya terletak lima meter dari tebing tinggi berkenaan.

"Berikutan itu, arahan mengosongkan kediaman dibuat kerana kerja mengukuhkan cerun akan bermula esok (hari ini) bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin dan mengelak tanah runtuh ketika kerja dilakukan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Arahan pindah oleh MDKS itu adalah yang pertama dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di negara ini selepas penduduk sekitar kawasan kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang diarah berbuat demikian berikutan tragedi yang meranapkan 14 banglo dan meragut empat nyawa, Sabtu lalu. Projek perumahan SBCR yang mula diduduki pada 2002 itu adalah projek pembangunan bercampur yang terletak di kawasan bersempadan hutan.

Haris berkata, tempoh penghuni 12 unit kediaman itu perlu berpindah hanya akan diketahui apabila pihaknya, pemaju dan kontraktor terbabit menghadiri satu Mesyuarat Penyelarasan yang dijadual diadakan esok. Bagaimanapun, katanya, perbincangan antara MDKS, pemaju dan JKR juga bersetuju langkah jangka panjang perlu dilakukan untuk mengurangkan tahap kecuraman cerun menggunakan struktur konkrit.

11/12/2008 (Khamis)

Respons: Pakar geologi harus bersuara

Oleh Zainor Said

TRAGEDI tanah runtuh yang mengorbankan empat nyawa dan meranapkan 14 banglo di Bukit Antarabangsa, baru-baru ini adalah kejadian kedua di kawasan itu. Pada 1993 sebuah kondominium mewah Highland Towers, beberapa kilometer dari tempat kejadian terbaru tumbang menyembah bumi dan mengorbankan 48 nyawa selain kerugian harta benda.

Kejadian terbaru itu adalah rentetan kejadian tanah runtuh yang banyak berlaku kebelakangan ini berikutan tindakan pihak tidak bertanggungjawab melaksanakan pembangunan di kawasan tanah tinggi termasuk pembinaan kawasan perumahan. Seharusnya kejadian tanah runtuh yang berlaku itu memberi pengajaran kepada pihak bertanggungjawab supaya menghentikan sebarang pembangunan di kawasan tanah tinggi bagi memastikan kejadian itu tidak berulang, termasuk di kawasan berdekatan dengan taman perumahan awam.

Apa yang menyedihkan sekarang ialah tiada pihak yang mahu bertanggungjawab di atas kejadian itu, sebaliknya masing-masing menuding jari antara satu sama lain. Sementara pihak yang menjadi mangsa ialah keluarga penduduk yang menghuni kawasan berkenaan. Merekalah yang terpaksa menanggung penderitaan, lebih-lebih lagi mereka yang kehilangan ahli keluarga

serta kerugian harta benda. Kita cukup hairan mengapa kejadian itu tidak pernah menjadi iktibar kepada pihak yang bertanggungjawab. Pada hal setiap kali tragedi itu berlaku kerajaan mengeluarkan pelbagai arahan tegas agar pembangunan di tanah tinggi terutama di cerun bukit tidak dijalankan.

Rakyat juga keliru dan timbul tanya tanya mengapa dan bagaimana pembangunan di kawasan berkenaan mendapat kelulusan dan terus dibangunkan pihak pemaju. Siapakah harus dipersalahkan, adakah pihak pemaju, pembeli rumah atau pihak yang meluluskan projek berkenaan.

Adalah tidak menghairankan mengapa pihak pemaju begitu tamak, rakus dan ghairah membina penginapan mewah di kawasan bukit kerana pulangnya begitu menguntungkan. Permintaannya begitu tinggi, khususnya daripada orang berada yang inginkan kediaman yang udaranya segar dan nyaman. Di mana lagi jika tidak di kawasan tanah tinggi yang menghijau, berbukit dan jauh daripada kesibukan kota.

Pembeli kebiasaannya yakin dan percaya setiap pembinaan itu mendapat kelulusan pihak berkuasa. Mereka juga percaya bahawa tanah pembinaan itu juga dijamin selamat dibangunkan selepas kajian terperinci kesesuaian tanah dilakukan oleh mereka yang pakar. Jika tidak masakan pemaju dibenarkan membangunkan kawasan berkenaan.

Dalam keadaan itulah pembeli akhirnya menjadi mangsa kerana rupa-rupanya kawasan itu berisiko tinggi dan tanahnya tidak sesuai untuk pembangunan tempat kediaman. Anehnya, apa yang sering terjadi pihak yang dikatakan pakar dalam kajian tanah hanya mendedahkan hasil kajian terperinci mengenai struktur tanah itu setelah tragedi berlaku. Pendedahan itu tidak berguna lagi, bak kata pepatah nasi sudah menjadi bubur.

Sekiranya kajian itu dilakukan secara telus dan profesional sebelum projek pembinaan diluluskan untuk mengetahui sama ada tanah di kawasan itu sesuai dan selamat, kita yakin kejadian itu mungkin dapat dielakkan. Kerajaan harus serius dan bertegas dalam soal ini jika tidak mahu tragedi seumpama itu berulang dan terus memperjudikan nyawa rakyat.

Kita mempunyai ramai cerdik pandai termasuk penyelidik yang lahir dari pelbagai institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara yang pakar dalam selok-belok struktur tanah yang sesuai dibangunkan atau tidak. Golongan ini tidak sepatutnya berdiam diri sebaliknya harus tampil dengan memberi pandangan, bersuara dan mengemukakan bantahan jika mendapati ada pihak tidak bertanggungjawab mahu melakukan pembangunan sehingga merosakkan bumi dan alam sekitar yang dianugerahi Tuhan.

Pihak berkuasa harus memanfaatkan kepakaran dan ilmu yang mereka miliki dan paling penting ialah menerima pandangan serta nasihat mereka sejujurnya. Kerajaan tidak boleh berkompromi dengan mana-mana pihak yang membuat keputusan sendiri dengan membangunkan kawasan tanah tinggi semata-mata mahu mengaut keuntungan tanpa memikirkan kesan buruk yang bakal menimpa rakyat.

11/12/2008 (Khamis)

Sentral: Exco nafi Ladang Rakyat tak berjaya

SEREMBAN: Kerajaan negeri menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa program Ladang Rakyat yang dilancar bagi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negeri gagal walaupun ada beberapa peserta program menarik diri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Yunus Rahmat, berkata program itu masih berjalan seperti biasa, malah kini sudah mula menampakkan hasil.

"Daripada lebih 25 peserta yang terbabit dalam skim ini, hanya lima menarik diri kerana masalah tertentu. Jumlah itu adalah kecil dan tidak boleh menggambarkan prestasi keseluruhan program ini sehingga didakwa menemui kegagalan. "Lagi pun, peserta terbabit menarik diri selepas tidak berupaya menunjukkan pencapaian memuaskan berikutan pelbagai masalah seperti kekangan tenaga kerja dan modal," katanya.

Katanya, walaupun kerajaan negeri memperuntukkan modal antara RM20,000 hingga RM30,000 kepada peserta memulakan program itu, terutama bagi kerja membajak serta sistem perparitan, ada sebahagian kecil tidak berupaya meneruskan projek pertanian mereka.

Yunus berkata, dua peserta yang menarik diri masing-masing mengusahakan projek di Ladang Rakyat di Selaru, Kuala Pilah dan Sungai Dua, Tampin, manakala tiga peserta lagi yang berbuat demikian ialah di Ladang Rakyat Air Bening, Jelebu.

"Peserta yang menarik diri itu bagaimanapun sudah diganti dengan peserta baru sejak sebulan lalu bagi menyambung projek mereka yang tergendala kira-kira tiga bulan. Setakat ini, prestasi yang ditunjukkan peserta baru adalah memuaskan," katanya.

Ladang Rakyat diilhamkan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dalam usaha meningkatkan hasil pertanian serta mengawal harga sayur-sayuran di pasaran selain membantu peserta mendapatkan sumber pendapatan lumayan.

Menerusi program itu, kemudahan seperti kerja tanah, pagar, bajak dan baja disediakan kerajaan untuk pusingan pertama, manakala peserta hanya perlu menanam dan membayar sewa berpatutan, selain mendapat bimbingan serta jentera daripada Jabatan Pertanian dan khidmat pemasaran oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Setakat ini, tiga Ladang Rakyat dibuka membabitkan kawasan tanaman seluas kira-kira 60 hektar iaitu di Air Bening, Selaru dan Sungai Dua yang sudah mula mengeluarkan hasil seperti kangkung, tomato, cili, bayam, bendi dan kacang panjang.

11/12/2008 (Khamis)

Timur: Masalah tanah runtuh Taman PAKR diatasi segera

KUANTAN: Masalah runtuh tanah sedalam 40 meter yang mengancam keselamatan nyawa lebih 400 penduduk di Taman PAKR Sungai Kerpan 3, Kuala Lipis, akan diatasi menerusi projek pemasangan kepingan cerucuk besi membabitkan kos RM3 juta. Kerajaan Pahang yang meluluskan pelaksanaan projek itu minggu ini, kini dalam proses melantik kontraktor dan kerja dimulakan sebelum hujung bulan ini dan dijangka siap dalam tempoh antara enam hingga sembilan bulan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kemudahan Asas dan Pengangkutan Pahang, Datuk Mohd Soffi Abdul Razak, berkata pelaksanaan projek itu mengambil masa berikutan Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) perlu menjalankan kajian kesesuaian tanah di kawasan berkenaan. Beliau berkata, hasil kajian menunjukkan tindakan membaiki runtuh tanah menerusi pemasangan kepingan cerucuk besi itu dianggap paling sesuai bagi menghalang runtuh daripada terus berlaku pada masa depan. Katanya, setakat ini, hanya tujuh rumah penduduk di situ yang dianggap kritikal dan berbahaya untuk didiami berikutan jarak runtuh tanah di depan rumah hanya kira-kira tiga meter saja.

"Kerajaan negeri sangat prihatin dengan nasib penduduk di Sungai Kerpan 3 akibat runtuh tanah yang berlaku di situ pada Ogos lalu berikutan hujan lebat. "Susulan itu, kita mengambil langkah keselamatan menutup kawasan runtuh dengan kanvas dan memindahkan tujuh keluarga yang tinggal di depan kawasan runtuh tanah untuk tinggal sementara di rumah pangsa berhampiran secara percuma.

"Bagaimanapun, kita yakin projek memasang kepingan cerucuk besi ini mampu mengatasi masalah itu untuk jangka panjang," katanya kepada Berita Harian, di sini semalam. Sebanyak 94 unit rumah di Taman PAKR Sungai Kerpan 3 mula didiami penduduk pada 1994 dan runtuh tanah yang teruk berlaku di situ Ogos lalu, adalah kejadian berulang walaupun projek menambak kawasan berkenaan sudah dilakukan pada 2005. Susulan itu, kerajaan negeri meminta Ikram menjalankan kajian bagi mengenal pasti kaedah sesuai mengatasi masalah berkenaan dan cadangan memasang kepingan cerucuk dengan kos RM3 juta dianggap paling berkesan.

Mohd Soffi berkata, penduduk yang mengosongkan kediaman mereka akibat masalah berkenaan diberi pelepasan menanggung bayaran ansuran rumah sehingga keadaan di situ selamat didiami. Beliau berkata, walaupun surat arahan mengosongkan kediaman sudah dikeluarkan kepada penduduk sejak September lalu, masih ada yang mengambil risiko tinggal di rumah mereka. "Kita mahu penduduk mengutamakan arahan keselamatan dan berharap mereka mengawasi anggota keluarga supaya tidak menghampiri kawasan cerun runtuh tanah itu," katanya.

11/12/2008 (Khamis)

Laporan pembelian Eurocopter diserahkan

JAWATANKUASA Kira-kira Wang Negara (PAC) sudah menyerahkan laporan cadangan pembelian helikopter Eurocopter EC725 Cougar kepada semua ahli Parlimen Khamis lalu untuk dinilai dan diputuskan.

Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata pihaknya sudah meneliti prosedur pembeliannya dan mendapati ia mengikut garis panduan yang ditetapkan. Katanya, pihaknya menyerahkan kepada Parlimen untuk membuat rumusan dan keputusan meneruskan pembeliannya atau sebaliknya.

“Kita sudah melaksanakan siasatan sebaik mungkin. Terpulang kepada ahli Parlimen untuk membahaskan dan membuat kesimpulan berdasarkan laporan itu. “Kita juga menyerahkan laporan pembelian Bank Antarabangsa Indonesia oleh Maybank Berhad, manakala isu Pampena masih dalam siasatan,” katanya dalam sidang media di Bangunan Parlimen, selepas mempengerusikan mesyuarat PAC, semalam.

Azmi berkata, laporan berhubung syarikat subsidiari kementerian, Pampena Sdn Bhd, hanya dapat diteliti selepas memperoleh laporan lengkap daripada Juruaudit Negara akhir Disember ini.

11/12/2008 (Khamis)

PAC cadang kerajaan guna akta ikut cara Hong Kong

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) mencadangkan kepada kerajaan agar memperkenalkan akta baru seperti yang diguna pakai di Hong Kong berhubung pembangunan di cerun bukit. Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata akta yang digunapakai di Hong Kong, Hillside Order, antara lain mewajibkan pemilik rumah di cerun bukit membuat penyelenggaraan sendiri setiap enam bulan, menilai kedudukan cerun dan tanah di mana rumah itu dibina.

“Pemilik rumah akan melantik jurutera atau juru ukur tanah untuk menilai kedudukan rumah dan tanah. Dengan itu mereka dapat pastikan yang rumah mereka selamat untuk didiami. Tapi kos penyelenggaraan itu ditanggung pemilik rumah berkenaan. “PAC hanya cadangkan kepada kerajaan mengenai penggunaan Akta Pembangunan Tanah Tinggi ini. "Tetapi ia terpulang kepada kerajaan untuk terima atau tidak. Pembinaan rumah di cerun ini membabitkan kos yang tinggi,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke tapak tanah runtuh di Taman Bukit Mewah, Bukit Antarabangsa, dekat Hulu Klang hari ini.

Azmi berkata penggunaan Hillside Order, sekiranya diguna pakai di Malaysia, perlu diselaraskan dengan perubahan cuaca negara yang tidak sama dengan Hong Kong. Beliau berkata PAC akan mengadakan perbincangan dalam masa terdekat sebelum mencadangkan akta baru itu dan berharap agar kerajaan pusat dapatewartakan akta yang lebih tegas untuk diguna pakai kerajaan negeri atau kerajaan tempatan.

“PAC berpendapat pada masa akan datang tidak perlu sebarang pembinaan di lereng bukit, kerana ia mengundang bahaya kepada penghuninya. Akta Cerun harus diwartakan segera untuk mengelakkan banyak lagi tragedi tanah runtuh. “Negara kita sudah ada badan penilaian alam sekitar seperti Penilaian Kesan Alam Sekitar dan akta seperti Akta Pemuliharaan Tanah 1965. Tetapi pelaksanaan yang tegas tidak wujud dan garis panduan yang disediakan masih samar,” katanya, sambil menambah kerajaan perlu tegas dalam menilai kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan akta alam sekitar.

Azmi berkata sebarang pembinaan di kawasan meliputi lebih 20.24hektar harus mendapat kelulusan badan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) tetapi ia tidak perlu bagi pembinaan yang kurang dari 8.096 hektar. Ini, katanya, menyebabkan pemaju perumahan di lereng bukit atau cerun lebih gemar pembinaan di keluasan tidak lebih 8.096hektar. Beliau juga berkata kerajaan tempatan yang bertanggungjawab ke atas kawasan-kawasan sensitif perlu menilai semula kapasiti kepakaran yang ada pada mereka.

“Misalnya Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang berkuasa ke atas kawasan Hulu Klang, yang terkenal dengan kedudukan sensitifnya di cerun bukit. "MPAJ perlu menilai kelemahan yang wujud dan melihat semula kepakaran yang mereka ada,” katanya, sambil menambah tenaga pakar dalam bidang kejuruteraan atau penilaian tanah perlu diperbanyakan.

PAC turut menegur sikap kebanyakan pemaju yang membina rumah di lereng bukit atau cerun dengan tidak mengikut kontur muka bumi kerana mementingkan keuntungan. “Setiap pembinaan rumah atau bangunan di lereng atau cerun perlu mengikut kontur muka bumi dan pembinaan secara selari adalah tidak dibenarkan dan kebanyakan pemaju perumahan tidak setuju dengan pembinaan mengikut kontur kerana tidak banyak rumah yang boleh dibina jika ikut cara itu,” katanya.

“Taman Bukit Mewah ini dibina secara selari, sebab itu jadi macam ini. "Cameron Highlands misalnya dibangunkan ikut kontur, sebab itu ia masih selamat,” katanya. Terdahulu PAC bersama beberapa Ahli Parlimen diberi taklimat sejam oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, sebelum melawat rumah yang terbabit dalam kejadian tanah runtuh. - Bernama

12/12/2008 (Jumaat)

Syarat projek cerun diketat

Oleh Magendran Rajagopal, Nahar Tajri dan S Anand Kumar bhnews@bharian.com.my



ANGGOTA Pasukan Gerakan Am membantu penduduk di Jalan Wangsa 9, Bukit Antarabangsa mengeluarkan barangan milik mangsa selepas rumah mereka tidak selamat didiami akibat kejadian tanah runtuh minggu lalu.

Kerajaan teliti cadangan elak tragedi berulang

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memperhalusi semua cadangan dan syor untuk memperketat syarat pembangunan dan kawal selia projek di kawasan tanah tinggi supaya langkah tegas dapat diambil dalam menjamin tragedi tanah runtuh seperti di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang Sabtu lalu, tidak berulang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata keadaan semasa memerlukan satu ketetapan diambil bagi memastikan sebarang projek pembangunan di kawasan tanah tinggi tidak meninggalkan risiko kepada penduduk dan orang ramai.

"Perkara ini harus diteliti secara terperinci kerana kita tidak mahu tragedi sama berulang. Orang ramai amat marah dengan kejadian ini, malah tidak kurang yang membuat teguran sinis bahawa sebarang cadangan atau syor yang dibuat kemungkinan besar tidak akan diendahkan pihak berkuasa.

"Jadi, kita perlu bincang sama ada kita boleh rumuskan sesuatu atau menyelaras mekanisme bagi menghalang kejadian tanah runtuh seperti ini berlaku," katanya pada sidang media selepas melancarkan buku Taib Andak A Class of His Own di sini, semalam.

Hadir sama, ibu beliau, Tun Rahah Mohd Noah; isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Biografi Allahyarham Tan Sri Taib Andak, bekas pegawai kanan kerajaan dan tokoh korporat yang pernah menjadi Pengerusi Felda (1958-1971) serta Pengerusi Maybank (1969-19810) itu adalah hasil karya anak sulung beliau, Datin Kalsom Taib.



Najib berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC), supaya kerajaan memperkenalkan akta baru seperti yang diguna pakai di Hong Kong bagi mengawasi dan memantau projek pembangunan tanah tinggi dan cerun bukit.

NAJIB meneliti buku Taib Andak *A Class of His Own* sambil diperhatikan Kalsom Taib dan Yusof Noor pada majlis pelancaran buku berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid semalam berkata, akta dikenali sebagai Hillside Order di Hong Kong itu antara lain mewajibkan pemilik rumah di cerun bukit membuat penyelenggaraan sendiri setiap enam bulan, menilai kedudukan cerun dan tanah tempat ia dibina.

"Pemilik rumah akan melantik jurutera atau juru ukur tanah untuk menilai kedudukan rumah dan tanah. Dengan itu mereka dapat pastikan rumah mereka selamat untuk didiami tetapi kos penyelenggaraan itu ditanggung pemilik rumah berkenaan sendiri. "PAC hanya cadangkan supaya kerajaan mewujudkan seperti Hillside Order ini, tetapi ia terpulang sama ada ia diterima atau tidak," katanya selepas meninjau lokasi kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa.

Sementara itu, Najib berkata kerajaan berharap semua pihak tidak mudah alpa dan mengambil iktibar daripada tragedi itu dengan memastikan mereka tidak hanya memikirkan pertimbangan komersial untuk mengaut keuntungan sehingga mengabaikan aspek keselamatan.

Sehubungan itu, beliau berkata sebarang pembaharuan yang diperkenalkan kali ini akan memastikan semua pihak berkenaan tidak terkecuali daripada tanggungjawab menentukan keselamatan pembinaan di kawasan cerun dan tanah tinggi secara umum. "Sebenarnya dalam keadaan hari ini pun, kalau kita buat keputusan kelulusan projek berdasarkan kepada penilaian teknikal yang objektif serta laporan kesan alam sekitar (EIA), saya percaya kebanyakan tragedi seumpama ini boleh dielakkan," katanya.

14/12/2008 (Ahad)

DBKL kesan pembangunan kawasan berisiko

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang berusaha mengesan projek pembangunan dijalankan di kawasan bercerun melebihi 35 darjah di sekitar Kuala Lumpur bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

"Sekiranya DBKL kesan ada pembangunan di kawasan bercerun, maka kami akan meminta Datuk Bandar mengarahkan pemaju menghentikan projek itu serta merta," kata Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusup selepas melancarkan Karnival Rakan Taman DBKL 2008 di sini, semalam. Hingga kini, katanya, tiga projek pembangunan kawasan cerun di sekitar KL dikenal pasti berisiko iaitu pembangunan 21 unit banglo di Medan Damansara, pembangunan satu blok pangsapuri di Bukit Ceylon dan pembangunan skim banglo di Bukit Gasing.

Kementerian Wilayah Persekutuan kelmarin, memutuskan tidak membenarkan pembangunan di kawasan bercerun melebihi 35 darjah dan membekukan pembangunan di kawasan bercerun 26 darjah hingga 35 darjah hingga suatu perancangan, reka bentuk dan sistem kawalan yang sempurna dapat diwujudkan serta dikuatkuasakan kerajaan.

Ketiga-tiga projek itu diluluskan sebelum ini kerana didapati mematuhi Garis Panduan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi dan Garis Panduan Pembangunan Kawasan Bukit 1994, manakala langkah untuk membekukan projek berkenaan untuk mengelak kejadian tanah runtuh, seperti yang berlaku baru-baru ini di Bukit Antarabangsa dan di Jalan Semantan, Kuala Lumpur.

Mengenai pelantikan Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ahmad Fuad Ismail, sebagai Datuk Bandar KL yang baru, Salleh berkata, seluruh warga DBKL akan memberi sokongan penuh kepada Ahmad Fuad dan akan menerima segala perubahan yang dibawanya demi kebaikan rakyat. BERNAMA

15/12/2008 (Isnin)

Utara: Perak patut siasat punca kos selenggara kereta tinggi

Oleh Mohd Idris Sulaiman dan Abu Bakar Al Sidek bhnews@bharian.com.my



TAJUDDIN sedang mencuba tulisan khat di gerai khat selepas merasmikan program 'Merakyatkan Seni' peringkat Felcra di Sri Iskandar, kelmarin. - Foto Idris Sulaiman

Tindakan kerajaan negeri beli kereta import dibidas

SERI ISKANDAR: Kerajaan Pakatan Rakyat sepatutnya mengaudit dan menyemak dengan teliti untuk mencari punca kos penyelenggaraan Proton Perdana V6 Executive terlalu tinggi, bukannya terburu-buru membeli kereta mewah baru. Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Tajuddin Rahman, berkata pengalamannya sendiri menggunakan kereta nasional itu menunjukkan kos penyelenggaraan Proton Perdana V6 Executive tidak sampai puluhan ribu ringgit.

"Pembelian kereta Toyota Camry 2.4 itu bukti kerajaan negeri Perak dan Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Nizar Jamaluddin tidak cerdik. Bukankah harga kereta itu yang mencecah sehingga RM170,000 sebuah, lebih mahal berbanding Proton Perdana V6 Executive. "Alasan kononnya kos penyelenggaraan kereta Perdana V6 terlalu mahal juga tidak masuk akal. Mengapa kerajaan negeri tidak periksa secara terperinci mengapa kos itu tinggi.

"Saya juga pakai kereta Perdana V6 tetapi tidak pernah pun habis berpuluh-puluh ribu setahun untuk kos selenggara," katanya selepas merasmikan Program Merakyatkan Seni Peringkat Felcra 2008 di Felcra Nasaruddin Belia di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Kerajaan Perak meluluskan pembelian sebanyak 16 kereta Toyota Camry 2.4 bagi menggantikan Proton Perdana V6 Executive sebagai kenderaan rasmi exco dan pegawai kanan.

Di KAMPUNG GAJAH, Ketua Pemuda Umno Bahagian Pasir Salak, Khairul Azwan Harun, berkata tindakan kerajaan negeri membeli kereta import itu menggambarkan mereka tidak mempunyai semangat kecintaan kepada negara ini.

Beliau berkata, ketika kempen pilihan raya, pemimpin Pakatan Rakyat melaung-laungkan mereka mahu menghidupkan semangat 'Malaysian Malaysia'. "Tetapi sekarang bila sudah berkuasa, mereka mengetepikan kereta keluaran negara dengan memberi alasan tidak munasabah. "Ini jelas membuktikan pemimpin Pakatan Rakyat cakap tak serupa bikin dan tidak mempunyai nilai semangat kecintaan kepada negara yang tinggi. "Kami ingin bertanya apakah jaminan kos baik pulih Toyota Camry 2.4 tidak mahal sedangkan alat gantinya diimport dari luar," katanya.

15/12/2008 (Isnin)

Utara: PBT kena pantau ubah suai rumah

IPOH: Pihak berkuasa tempatan (PBT) mestilah proaktif dalam memantau pengubahsuaian rumah, terutama di kawasan yang berisiko berlaku tanah runtuh bagi mengelakkan daripada kejadian buruk.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, T Murugiah berkata pemantauan itu penting untuk memastikan keselamatan penduduk dan pembayar cukai supaya tidak menyalahkan PBT selepas bencana menimpa mereka.

"Perkara ini harus dipandang serius memandangkan jika sesuatu perkara buruk berlaku seperti tanah runtuh, kerajaan menjadi pihak pertama dipersalahkan. "PBT harus mengambil tindakan supaya penduduk yang ingin mengubahsuai rumah sentiasa mengikut prosedur," katanya selepas melawat 10 rumah di Kampung Tersusun Hulu Buntong di sini, baru-baru ini.

Mengenai rumah retak dan hakisan tanah di kawasan itu, Murugiah berkata, keadaan itu berpunca daripada aliran Sungai Buntong yang mengalir di bawah permukaan tanah. "Saya sudah meninjau kawasan itu dan berbincang dengan penduduk tetapi saya turut dimaklumkan bahawa hampir semua rumah di sini membuat pengubahsuaian tanpa kebenaran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

"Sepatutnya, setiap rumah yang dibina harus berada tiga meter dari sungai. Pengubahsuaian rumah di sini juga sepatutnya mengikut spesifikasi yang ditetapkan MBI," katanya.

Murugiah berkata, beliau akan cuba membantu penduduk di situ dengan mendapatkan bantuan Jabatan Pengairan dan Saliran dan MBI bagi mengatasi masalah rumah retak. "Saya meminta JPS dan MBI menyiasat perkara ini dan menyenaraikan lot rumah yang mengalami keretakan dan tanah mendap. "Mereka diberi tempoh selama sebulan untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini," katanya.

15/12/2008 (Isnin)

Sabah&Sarawak: Kampung Sembulan diancam pembangunan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin azrone@bharian.com.my

2,000 penduduk Bumiputera mungkin hilang tempat tinggal

KOTA KINABALU: Perkampungan Bumiputera tunggal di pinggir bandar raya ini, Kampung Sembulan bakal hilang dalam peta Sabah berikutan tindakan kerajaan negeri memajukan penempatan penduduk berusia lebih 200 tahun itu.

Pengerusi Persatuan Pembangunan dan Kemajuan Sembulan (PPKS), Alimat Wahid mendakwa lebih 2,000 penduduk tempatan bakal hilang tempat tinggal berikutan keputusan memajukan perkampungan itu untuk projek komersial. Katanya, penduduk kampung dimaklumkan mengenai projek komersial yang bakal dilaksanakan di situ, baru-baru ini dan ia amat mengecewakan kerana perjanjian ditandatangani sejak 11 tahun lalu tanpa pengetahuan mereka.

Beliau berkata, sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) milik kerajaan negeri bertindak menandatangani perjanjian memajukan Kampung Sembulan dengan kerjasama sebuah syarikat swasta pada 1997.

"Penduduk mahu kerajaan negeri mengkaji semula dan seterusnya membatalkan perjanjian berat sebelah itu," katanya pada sesi dialog Pembaharuan Skim Sembulan Fasa Dua bersama Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Yahya Hussin di kampung itu, semalam. Kampung Sembulan meliputi empat kampung iaitu Kampung Sembulan Lama, Kampung Sembulan Tengah, Kampung Sembulan Baru dan Taman Sempelang.

Pengerusi Badan Bertindak Sembulan, Hamid Piasin mahu kerajaan mengkaji semula kelulusan pengambilan tanah berstatus anak negeri (NT) seluas 3.5 hektar di kampung itu kerana sudah lama didiami penduduk tempatan. Katanya, kerajaan juga hendaklah membela nasib penduduk yang menduduki tanah berstatus NT seluas 1.4 hektar dan 28 lot tanah berstatus sama di Kampung Sembulan biarpun tapak itu belum dipindah milik kepada mereka.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Pergerakan 4S (Sembulan Lama, Tengah, Baru dan Sempelang), Osman Omar mendesak kerajaan negeri melanjutkan tempoh pajakan tanah dengan bayaran premium berpatutan.

15/12/2008 (Isnin)

Kekebalan PBT jangan dicabar

Oleh Faiza Zainudin faiza@bharian.com.my

Kuasa diberi permudah khidmat: Ong

KUALA LUMPUR: Kekebalan yang dinikmati pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti termaktub mengikut Seksyen 95 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) perlu dihormati dan tidak boleh dicabar di mahkamah.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Chuan, berkata keputusan Mahkamah Persekutuan itu perlu diterima semua pihak kerana kekebalan yang diberi bagi manfaat rakyat serta membolehkan PBT melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

Ong berkata, keputusan mahkamah bertujuan membolehkan PBT mentadbir urusan harian mereka dengan lancar tanpa perlu menghadapi kes mahkamah atas perkara yang kadangkala remeh temeh. "Contohnya, orang terjatuh di jalan raya atau parit tersumbat pun boleh ambil tindakan mahkamah. "Ia mungkin juga atas tujuan membolehkan kelancaran pentadbiran," katanya di sini, semalam.

Beliau mengulas cadangan Majlis Peguam Malaysia (Majlis Peguam) yang meminta kerajaan meminda kekebalan PBT seperti termaktub dalam Seksyen 95(2) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang berat sebelah kerana mencabuli hak orang ramai yang menjadi mangsa tanah runtuh.

Kelmarin, Presiden Majlis Peguam, Datuk Ambiga Sreenivasan dilaporkan berkata, kekebalan itu menyebabkan PBT bersikap sambil lewa apabila meluluskan pembangunan di kawasan tanah tinggi, termasuk cerun yang tidak wajar diberi kelulusan dibangunkan dan adalah tidak rasional kerajaan melindungi PBT.

Pada Februari 2006, Mahkamah Persekutuan memutuskan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) tidak bertanggungjawab terhadap kerugian yang ditanggung 73 penghuni blok dua dan tiga pangsapuri Highland Towers yang terpaksa mengosongkannya selepas blok satu runtuh pada 11 Disember 1993 yang mengorbankan 48 nyawa.

Mahkamah memutuskan tidak adil meletakkan tanggungan kehilangan ekonomi terhadap MPAJ kerana gagal melaksanakan plan perparitan seperti yang dijanjikan atau menstabilkan puncak bukit itu.

Mahkamah sebulat suara memutuskan MPAJ atau mana-mana kerajaan tempatan mempunyai kekebalan dan dilindungi Seksyen 95 (2) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 daripada tuntutan sebelum runtuhan.